



Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Bil. Iklan Pustaka/03/2020 (1)

- | | | |
|--------------------------|---|---|
| 1. Skim Perkhidmatan | : | Pengawal Keselamatan Gred KP11
5 KEKOSONGAN – 3 KUCHING
2 MIRI |
| Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | Keselamatan dan Pertahanan Awam |
| Jadual Gaji | : | KP11 RM1,205.00 - RM 2,939.00
(Minimum) (Maksimum) |

Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. (a) warganegara Malaysia
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Pentaksir Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00)
atau

(ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11; RM1,205.00)
- DAN (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita
 - (iii) mempunyai ukuran indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 70sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1 (c) (i) hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkat Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Cara Memohon:

1. Semua permohonan hendaklah dikemukakan SECARA ATAS TALIAN (ONLINE) melalui laman web berikut: www.pustaka-sarawak.com/recruitment
2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan.
3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan sijil-sijil yang disahkan, diimbas dan dimuatnaik melalui sistem e-recruitment Pustaka nanti. Muatnaik adalah terhad kepada 2 lampiran sahaja. Contoh: sekiranya jawatan memerlukan lulusan SPM, maka salinan sijil SPM hendaklah dimuatnaik.
4. Hanya pemohon yang berjaya semasa temuduga sahaja akan dimaklumkan melalui surat tawaran.
5. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas/jawapan dalam tempoh 3-6 bulan dari tarikh iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.
6. Tarikh tutup iklan adalah pada: **24 Ogos 2020 (Isnin).**